



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
ARAS 3, No.2, MENARA 2, JALAN P5/ 6 PRESINT 5,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.
No.Telefon : 03-8870 6000 No.Faks : 03-8870 6885

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DALAM TALIAN

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ingin merujuk kepada laporan media berhubung pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian di Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
2. KPT mengambil maklum akan tahap kesediaan beberapa Institut Pengajian Tinggi dari segi infrastruktur dan pensyarah serta penawaran program PdP atas talian sepenuhnya, yang mendapat lesen *Open and Distance Learning (ODL)*.
3. Mengambil kira faktor tersebut di atas, KPT membenarkan semua IPT untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan syarat bahawa semua pelajar secara keseluruhannya mendapat akses, pensyarah serta infrastruktur telah sedia sepenuhnya.
4. KPT berharap agar tiada pelajar yang ketinggalan dalam sesi PdP ini kerana tidak mendapat akses internet. Ingin diingatkan sekali lagi bahawa sesi PdP secara bersemuka atau *face-to-face* adalah tidak dibenarkan sama sekali.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

20 Mac 2020